

# UMS meterai perjanjian dengan Hafiz Farm

UB 18/1/20 16

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memeterai satu memorandum perjanjian bersama Hafiz Farm Sdn Bhd bagi kerjasama terhadap pengeluaran makanan ruminan berimpak tinggi dan berdaya saing yang dinamakan 'Hafiz Feed'.

Perjanjian tersebut dimeterai dalam satu majlis yang berlangsung di Fakulti Pertanian Lestari (FPL), UMS Kampus Sandakan, menyaksikan UMS diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin menandatangani dokumen perjanjian tersebut, manakala Hafiz Farm diwakili Pengarah Eksekutif, Haji Yussup Nannong.

Menurut Dekan FPL, Prof. Dr. Abdul Hamid Ahmad, memorandum perjanjian yang dimeterai itu merupakan salah satu hasil utama dari memorandum persefahaman sebelum ini yang ditandatangani antara UMS dan Hafiz Farm lebih kurang dua tahun lalu.

"Memorandum persefahaman berkenaan bersifat penyelidikan melibatkan tanaman napier pakchong dan makanan ruminan, dengan sasaran utama dalam penyelidikan tersebut adalah untuk menghasilkan makanan ternakan yang murah, mudah dihasilkan, berbau harum bagi haiwan dan berimpak tinggi dari segi kesan ke atas tumbesaran ternakan."

"Sasaran tersebut telah berjaya dicapai dengan penghasilan 'Hafiz Feed' sehingga kebaikan Hafiz Feed ini telah mendapat pengiktirafan melalui kemenangan pingat emas dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi kebangsaan, PECIPTA 2017, di Terengganu dan kemenangan pingat perak dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi antarabangsa, IENA 2018, di Jerman," katanya.

Menurut beliau lagi, Hafiz Feed kini dikomersialkan dan secara tidak langsung juga merupakan satu bukti bahawa 'translational research' atau penyelidikan yang boleh diterjemahkan kepada hasil sebenar boleh dicapai melalui kerjasama erat antara pihak universiti dan industri.

"Di FPL, penyelidik gigih menjalankan penyelidikan makanan ternakan, manakala di Hafiz Farm, pegawai dan kakitangan mereka gigih menterjemahkan hasil penye-

lidikan tersebut menjadi produk yang boleh dipasarkan.

"Dalam proses menterjemah hasil penyelidikan tersebut, pihak Hafiz Farm juga menjalankan penyelidikan dan berkongsi maklumat yang diperolehi dengan penyelidik di FPL UMS untuk meningkatkan lagi kelebihan produk yang dihasilkan.

"Pengkomersilan Hafiz Feed akan memberi manfaat bukan sahaja kepada UMS dan Hafiz Farm tetapi juga kepada pembangunan pengeluaran makanan ternakan dan industri ruminan di Malaysia, dan secara tidak langsung boleh mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan dan daging ternakan, dan seterusnya membawa kepada jaminan keselamatan makanan dalam negara," kata Abdul Hamid.

Dalam pada itu, Timbalan Dekan FPL, Dr Januarius Gobili yang juga merupakan penyelidik utama dalam projek tersebut di pihak UMS, bersama-sama Rendy Juarsyah, di pihak Hafiz Farm, pengeluaran dan pengkomersilan Hafiz Feed adalah tepat pada masanya melihat jumlah daging lembu yang diimport ke Malaysia dilaporkan sebanyak 149,152 tan setahun.

"Jika jumlah ini tidak diimport tetapi dihasilkan dalam negara sahaja menggunakan sumber makanan ternak tempatan, berdasarkan kepada harga semasa daging lembu iaitu sekitar RM22 per kilogram, sebanyak RM3.3 billion setahun pulangan dijangkakan boleh menjadi milik penternak tempatan.

"Di Sabah, kos mengimport daging lembu dilaporkan seki-



**TUKAR DOKUMEN:** Taufiq (kiri) bertukar dokumen perjanjian bersama Haji Yussop.

tar RM216 juta setahun, namun realiti semasa di Malaysia adalah industri lembu pedaging menghadapi pelbagai cabaran termasuk bekalan makanan yang rendah, kualiti makanan yang rendah, kos pengeluaran makanan tertingkat yang tinggi, dan kurang pengetahuan penternakan berpenghasilan tinggi," kata Januarius.

Justeru itu katanya, niat untuk mengatasi cabaran tersebut telah menjadi motivasi bagi UMS dan Hafiz Farm untuk bekerjasama menghasilkan Hafiz Feed.

Hafiz Feed dihasilkan melalui fermentasi probiotik sisa organik industri pertanian tempatan seperti industri kelapa sawit, tepung, ikan dan kanji, dengan produk yang terhasil berbau menyelerakan bagi lembu dan menjadi kesukaan haiwan ini serta haiwan ruminan yang lain seperti kambing.

"Data penyelidikan menunjukkan bahawa dengan menggunakan Hafiz Feed, penternak mampu menghasilkan makanan lembu tertingkat kualiti sehingga 6 hingga 7 tan sehari, mencapai purata tumbesaran lembu sebanyak 2.5 kg sehari seekor bergantung kepada umur, baka dan tahap kesihatan lembu dan mengurangkan harga konsentrat menjadi RM1.50 sekilogram sahaja, dan setakat ini, harga makanan lembu di pasaran tempatan adalah sekitar RM 1.70 hingga RM 2.02 sekilogram," katanya.

Ujar Januarius, inovasi Hafiz Feed dilindungi di bawah Trade Secret oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, dan sudah digunakan oleh Hafiz Farm dan beberapa penternak tempatan sejak dua tahun lepas untuk meningkatkan purata tumbesaran sehari lembu pedaging.



**KENANGAN:** Taufiq dan Haji Yussop merakamkan gambar bersama pegawai pengurusan UMS dan pegawai dari Hafiz Farm Sdn Bhd.